

SH 27.06.2008 . M/S N7

# Bukan menghukum rakyat: Najib

Projek yang ditunda bukan bererti akan dibatalkan, sebaliknya akan dilaksanakan bila keadaan mengizinkan nanti.

■ ARTHUR AMBROSE

**KUALA LUMPUR** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan kerajaan menangguhkan beberapa projek besar termasuk Jalan Lingkaran Luar (PORR) dan monorel yang sepatutnya dibina di Pulau Pinang

bukan untuk menghukum pengundi yang memilih Pakatan Rakyat (PR) menerajui negeri tersebut.

"Tidak timbul soal menghukum sesiapa kerana projek yang telah dirancang akan tetap dilaksanakan walaupun projek di negeri yang dimenangi pembangkang (PR)," katanya pada sidang media selepas mendengar pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), di sini, semalam.

Menurut Najib, beberapa projek yang telah dirancang

sebelum ini terpaksa ditunda selepas kerajaan membuat penilaian semula terhadap projek tertentu.

"Projek yang ditunda ini bukan bererti bahawa ia akan dibatalkan. Projek-projek ini boleh dilaksanakan bila keadaan mengizinkan nanti," jelasnya.

Tambahnya, Unit Perancang Ekonomi (UPE) akan mengumumkan apakah projek-projek lain yang akan ditangguhkan dalam masa terdekat.

Dalam pembentangan kajian separuh penggal RMK-9

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum itu, Abdullah menegaskan bahawa kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek pembangunan di semua negeri.

Katanya, pembangunan RMK-9 adalah dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan kemakmuran rakyat dan ekonomi negara.

"Projek mesra rakyat yang bertujuan menyediakan kemudahan asas dan memberikan faedah secara tidak langsung kepada rakyat seperti bekalan air,

elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan awam kos rendah, membasmi kemiskinan dan keselamatan awam akan diberi keutamaan," tegas Abdullah.

Bagaimanapun, beliau tidak menyentuh tentang peruntukan bagi projek PORR dan monorel yang ditangguhkan itu.

Projek tersebut asalnya dilancarkan pada tahun 2006 adalah merupakan salah satu projek besar yang dijanjikan kerajaan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di negeri tersebut.



NAJIB TUN RAZAK